

**PROFIL PANDANGAN LEPASAN SISWAZAH  
MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN PERTANIAN**

**AZIZAH BINTI RAZAK**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
(Pendidikan Teknik dan Vokasional)**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**2010**

## **DEDIKASI**

**Tulus ikhlas, penuh kasih sayang buat  
Suami dikasihi,  
Ibu, Ibu Mertua tersayang  
tekadkan azam anak-anakku  
Nurul, Anis, Fahmi, Farhan, Nana dan Iman yang kukasihi  
yang memberi inspirasi dalam menempuh perjuangan mencabar  
sepanjang program sarjana ini**

## **Tidak Ketinggalan**

**Buat rakan-rakan dan sanak saudara  
yang memberi sokongan dan mendoakan kejayaanku**

**Setinggi-Tinggi Penghargaan Kepada :**

**Dr. Muhammad Sukri bin Saud**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Besar Lagi Maha Mengasihani, bersyukur kehadiran Ilahi atas limpah rahmat dan izinNya sepanjang pelaksanaan Projek Sarjana ini.

Salam hormat dan jutaan terima kasih buat Dr. Muhammad Sukri bin Saud, di atas tunjuk ajar dan ilmu yang dicurahkan sepanjang tempoh pengajian. Semoga Allah swt memberkati dan merahmatinya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang telah memberi kerjasama menjayakan projek penyelidikan ini.

Sesungguhnya bantuan dan budi baik mereka mendapat keberkatan dan sokongan mereka amat bermakna untuk diri saya. Terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profil pandangan lepasan siswazah menceburi bidang keusahawanan pertanian. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti ciri-ciri peribadi usahawan tani yang berjaya, mengenalpasti faktor-faktor penarik penglibatan siswazah sebagai usahawan tani, mengenalpasti faktor-faktor penolak penglibatan siswazah sebagai usahawan tani dan mengenalpasti latihan kemahiran yang diperlukan oleh siswazah sebagai usahawan tani. Kajian ini melibatkan 66 orang responden yang terdiri dari pelajar-pelajar separuh masa sarjana di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui kaedah soal selidik. Data-data dianalisis dan dihuraikan mengikut persoalan kajian iaitu apakah ciri-ciri peribadi usahawan tani yang berjaya, apakah faktor-faktor penarik penglibatan lepasan siswazah sebagai usahawan tani, apakah faktor-faktor penolak penglibatan lepasan siswazah dalam usahawan tani dan apakah kemahiran latihan yang diperlukan oleh lepasan siswazah sebagai usahawan tani. Data diperolehi dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistic Package for Social Sciences*) versi 14.0. Hasil kajian menunjukkan faktor latihan kemahiran yang diperlukan merupakan faktor yang terbesar dalam mempengaruhi keterlibatan lepasan ijazah menceburi bidang pertanian dengan nilai min yang tertinggi iaitu 4.54. Diikuti dengan faktor penarik dengan nilai min 4.17 seterusnya ciri-ciri peribadi usahawan berjaya dengan nilai min 3.84, manakala faktor penolak dengan nilai min 3.75. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan sebagai panduan kajian lanjutan dan panduan kepada organisasi kajian.

## ABSTRACT

This study aimed to identify the profile view of post-graduate agricultural entrepreneurship. The objective of this study was to determine the personal characteristics of successful entrepreneurs, to identify the factors drawing the participation of graduates as entrepreneurs, to identify the factors involved pusher graduates as entrepreneurs and identify the skills needed by graduates as entrepreneurs. The study involved 66 respondents from part-time students graduate from University Technology Malaysia (UTM) through questionnaires. The data are analyzed and described according to the research question is whether the personal characteristics of successful entrepreneurs, the pull factors involved in post-graduate farmers, the push factors involved in post-graduate entrepreneurs and the skills training required by post-graduates as entrepreneurs. Data obtained and analyzed using SPSS (Statistics Package for Social Sciences) version 14.0. The study shows that the required skills is the biggest factor in influencing the involvement of graduates enter the field of agriculture with the highest mean value of 4.54. Followed by a pull factor to the mean value of 4.17 further personal characteristics of successful entrepreneurs with a mean of 3.84, while the push factor with a mean of 3.75. Several suggestions were offered as a guide for further research and guidance for research organization.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii – xiii</b>
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>xiii</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xv - xvi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xvii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xviii</b>
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	11
	1.4 Persoalan Kajian	12
	1.5 Tujuan dan Objektif Kajian	13
	1.6 Kepentingan Kajian	13
	1.7 Batasan Kajian	14

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.8	Definisi Terminologi	14
	1.8.1 Usahawan	15
	1.8.2 Keusahawanan	15
	1.8.3 Lulusan Ijazah	16
	1.8.4 Industri Pertanian	17
	1.8.5 Menceburi	17
	1.8.6 Mata Pelajaran Pertanian	18
	1.8.7 Profil	19
	1.8.8 Pandangan	19
1.9	Kerangka Teori Kajian	19
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	22
2.2	Senario Sektor Pertanian Negara	22
2.3	Faktor-Faktor Ekonomi Yang Mempengaruhi Bidang Pertanian	29
	2.3.1 Persepsi Belia Lulusan IPT terhadap Bidang Pertanian	29
	2.3.2 Aplikasi Teknologi di Bidang Pertanian	29
	2.3.3 Peluang Yang Ada dan Pendapatan Sampingan dan Industri Hiliran Sektor Pertanian	30
	2.3.4 Akses Maklumat Tentang Sektor Pertanian Komersil dan Industri Asas Tani	30
	2.3.5 Kemudahan Pemasaran dan Khidmat Teknikal	30

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	2.3.6 Sokongan Keluarga dan Masyarakat	31
	2.3.7 Kempen-Kempen Kesedaran Melalui Media Massa	31
	2.3.8 Sokongan Penuh Daripada Kerajaan	32
2.4	Ciri-Ciri Usahawan Berjaya	32
	2.4.1 Keperluan Untuk Kejayaan	33
	2.4.2 Hasrat Untuk Menerima Cabaran	33
	2.4.3 Bebas Dari Aspek Fikiran dan Tindakan	33
	2.4.4 Menyelesaikan Masalah	33
	2.4.5 Sering Mengharapkan Masa Depan Yang Baik	33
	2.4.6 Mencari Persekitaran Yang Baik	34
	2.4.7 Keupayaan Mempraktikkan Sesuatu	34
	2.4.8 Tampuk Kawalan	34
	2.4.9 Kepercayaan Timbal Balik Dengan Orang Lain	34
	2.4.10 Keyakinan Terhadap Kebolehan Dirinya Sebagai Usahawan	34
	2.4.11 Kesiediaan Menerima Tanggungjawab	35
	2.4.12 Keupayaan Mencari Peluang	35
	2.4.13 Mempunyai Cita-Cita Lebih Tinggi	35
	2.4.14 Konsep Diri Yang Positif	35
	2.4.15 Belajar Dari Keputusan	35
	2.4.16 Berperasaan Tidak Puas Hati dan Mahu Berubah	36

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	2.4.17 Berorientasikan Perancangan	36
	2.4.18 Menyedari Keperluan Menggunakan Agensi dan Maklumat	36
	2.4.19 Menetapkan Matlamat	37
	2.4.20 Ubah Suai Pentadbiran	37
	2.4.21 Kemahiran Pengurusan	37
	2.4.22 Rasa Kemanjuran (Semangat Waja)	37
	2.4.23 Kepimpinan	37
	2.4.24 Kuat Berusaha	38
	2.4.25 Pandai Membuat Keputusan	38
2.5	Transformasi Bidang Pertanian	38
2.6	Halangan-Halangan Sosial	39
	2.6.1 Tahap Pengetahuan dan Pendidikan	39
	2.6.2 Status Sosial dan Kesenangan	39
	2.6.3 Aspek Pemilikan Tanah	40
	2.6.4 Budaya	40
	2.6.5 Pengimportan Makanan Daripada Luar Negara	41
2.7	Masalah Pemasaran Hasil Pertanian	41
	2.7.1 Ketidakstabilan Harga	41
	2.7.2 Penawaran dan Permintaan Bermusim	41
	2.7.3 Kekurangan Saluran Pasaran Terjamin	41
	2.7.4 Kos dan Margin Yang Tinggi	42
	2.7.5 Kekurangan Maklumat Pasaran	42
	2.7.6 Kekurangan Infrastruktur Pemasaran	42
	2.7.7 Harga Input Pertanian Tinggi	43

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
	3.2.1 Carta Aliran Kajian	45
3.3	Populasi dan Sampel	46
3.4	Instrumen Kajian	47
3.5	Analisis Data	49
3.6	Rumusan	50
<b>BAB IV</b>	<b>KEPUTUSAN KAJIAN</b>	
4.0	Pengenalan	51
4.1	Analisis Bahagian A	52
	4.1.1 Jantina	52
	4.1.2 Bangsa	52
	4.1.3 Tempat Tinggal	53
	4.1.4 Umur	53
4.2	Dapatan Persoalan Kajian	54
	4.2.1 Dapatan Persoalan Kajian 1	
	Apakah Ciri-Ciri Peribadi Usahawan Tani Yang Berjaya	54
	4.2.2 Dapatan Persoalan Kajian 2	56
	Apakah Faktor-Faktor Penarik Penglibatan Lulusan Siswazah Sebagai Usahawan Tani	56



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
5.7	Cadangan	72
5.7.1	Memberi Kursus Percuma Kepada Usahawan	72
5.7.2	Memulakan Pertanian Berkelompok	72
5.7.3	Membuat Penyelidikan Tentang Produk Makanan Yang Mendapat Pasaran	73
5.7.4	Membina Kilang Untuk Memproses Produk Pertanian	73
5.7.5	Merangka Rancangan Yang Berkesan	73
5.7.6	Kurikulum Sekolah	74
5.7.7	Kempen-Kempen Kesedaran	74
5.7.8	Teknologi Terkini Dalam Penghasilan Produk Pertanian	74
5.7.9	Penjenamaan	75
5.7.10	Perbincangan Dengan Pihak Yang Berkemahiran	75
5.8	Menyediakan Kemudahan Latihan dan Bimbingan	75
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	76
5.10	Penutup	77
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	78 - 80

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
------------	----------------	-------------------

**LAMPIRAN**

A	Borang Kaji Selidik (Bahagian A – B)	81 – 88
B	Statistical Techniques and The Analysis of Data/193	89

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.3	Skala Lima Likert	48
3.4	Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian	50
4.1	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	52
4.2	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	52
4.3	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Tempat Tinggal	53
4.4	Taburan Kekekapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	53
4.5	Analisis Peratusan, Min, Sisihan Piawai Ciri-Ciri Peribadi Usahawan Tani Yang Berjaya	54
4.6	Analisis Peratusan, Min, Sisihan Piawai Faktor- Faktor Penarik Penglibatan Lulusan Siswazah Sebagai Usahawan Tani	57
4.7	Analisis Peratusan, Min, Sisihan Piawai Faktor- Faktor Penolak Penglibatan Lulusan Siswazah Sebagai Usahawan Tani	59
4.8	Analisis Peratusan, Min, Sisihan Piawai Latihan Kemahiran Yang Diperlukan Oleh Lulusan Siswazah Sebagai Usahawan Tani	62

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.9	Analisis Keseluruhan Dapatan Persoalan Kajian Mengikut Purata Min	63
4.10	Kedudukan Pembolehubah Selepas Analisa Mengikut Purata Min	63

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Bilangan Usahawan Siswazah 2000 - 2008	4
2	Statistik Kadar Pengangguran di Malaysia Daripada Januari 2009 – Ogos 2010	5
3	Statistik Siswazah Peringkat Sarjana Muda IPTA Mengikut Bidang Tahun 2008 – 2009	6
4	Model Pembangunan Usahawan Oleh Blake - Saleh	16
5	Model Kerangka Teori Kajian	20
6	Ringkasan Perdagangan Luar Negara	23
7	Jadual Import Komoditi Pertanian 2003 – Jun 2008	25
8	Carta Aliran Kajian	45

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Surat Pengesahan Status Pelajar Bagi Menjalankan Kaji Selidik di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	90
B	Borang Pengesahan Instrumen Kajian Pensyarah, Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia	91 – 92

**PROFIL PANDANGAN LEPASAN SISWAZAH  
MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN PERTANIAN**

**AZIZAH BT. RAZAK**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

**JUDUL : PROFIL PANDANGAN LEPASAN SISWAZAH  
MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN PERTANIAN**

**SESI PENGAJIAN : 2010/2011**

Saya : AZIZAH BINTI RAZAK  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan (✓)

**SULIT** (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam (AKTA RAHSIA RASMI 1972)

**TERHAD** (Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap : No 404, Jalan Anggerik 9,  
Taman Kulai Utama, 81000 Kulai, Johor.

Tarikh : DISEMBER 2010

(TANDATANGAN PENYELIA)

**DR. MUHAMMAD SUKRI BIN SAUD**

Nama Penyelia

Tarikh : DISEMBER 2010

- CATATAN : \*
- \* Potong yang tidak berkenaan
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab atau tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
  - ◆ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Teknik dan Vokasional)”

Tandatangan : .....

Nama Penyelia : DR. MUHAMMAD SUKRI BIN SAUD

Tarikh :

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bidang pertanian adalah satu bidang yang boleh membawa keuntungan dalam jangka masa yang panjang. Malaysia adalah negara yang berada di garisan khatulistiwa dan subur serta mempunyai tanah yang luas. Di samping itu, negara kita tidak mempunyai risiko bencana alam seperti gempa bumi, gunung berapi, ribut besar, banjir besar dan lain-lain bencana alam dan malapetaka. Kelebihan ini perlu dimanfaatkan oleh peniaga dan usahawan. Pada masa kini masih kurang peniaga dan usahawan menceburi perniagaan berasaskan pertanian sedangkan ia boleh memberi keuntungan yang berlipatkali ganda dan berterusan.

Senario dan perkembangan bidang pertanian komersial di negara kita sejak lebih 50 tahun lalu jelas menunjukkan kurangnya penglibatan golongan belia biarpun mereka menjadi nadi penting ekonomi negara dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kebanyakan golongan belia lepasan pengajian tinggi yang memiliki ijazah masih rela menunggu kerja atau mencari kerja dalam sektor awam dan swasta daripada menceburi sektor pertanian. Tidak dapat dinafikan bahawa tulang belakang ekonomi negara sejak sekian lama ialah industri pertanian. Ketika melancarkan Projek Pertanian Moden dan Pusat Ternakan Haiwan Padang Hijau, Batu 11, Jalan Mersing, Kluang, Johor, Februari 2008, bekas mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi menegaskan pembangunan di bidang pertanian tidak pernah diabaikan kerana kerajaan kini menyedari sektor itu adalah tunggak kepada kekuatan ekonomi Negara walaupun sektor perindustrian dan perkhidmatan kian berkembang.

Kerajaan sedar pembangunan dan usaha memperkasakan sektor pertanian dalam menjana ekonomi negara dan melahirkan golongan usahawan tani harus melibatkan golongan belia terutamanya yang berpendidikan bagi mengubah persepsi dan mentaliti belia terhadap bidang pertanian. Sehubungan dengan itu, usaha memodenkan sektor pertanian memerlukan penglibatan aktif golongan belia yang berkemahiran dan berilmu pengetahuan khususnya para siswazah yang mempunyai pendidikan yang tinggi. Suatu transformasi perlu dilakukan untuk memupuk minat dan mengubah persepsi belia terhadap bidang pertanian (Jabatan Perdana Menteri, 2006). Menurut Laporan Banci Penduduk oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2000) yang telah dilaksanakan menunjukkan golongan ini mewakili 42.1% daripada penduduk Malaysia iaitu seramai 26 juta orang.

Hakikat kepentingan sektor pertanian ini memang disebut di dalam Al-Quran (surah al-Baqarah ayat 22, *“Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang di bina dengan kukuhnya); dan di turunkannya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah S.W.T. sebarang sekutu, pada hal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)”*). Nabi Muhammad SAW telah menekankan di dalam sabdanya, tentang betapa perlunya tanah pertanian dibangunkan untuk menghasilkan bahan makanan dan tidak mengizinkan sama sekali tanah dibiarkan dan dibazirkan begitu sahaja. Sabda baginda yang mafhumnya: *“ Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengerjakannya dengan bertani atau (jika dia tidak berupaya melakukannya) hendaklah menyerahkannya kepada saudaranya supaya diusahakan dan janganlah dia menyewakannya (sekalipun) hanya sepertiga, seperempat dan makanan asasi”*. (Hadith Riwayat Abu Daud). Berdasarkan hadith tersebut, jelas bahawa manusia bertanggungjawab untuk memakmurkan bumi ini sebagai tanda kesyukuran dengan memanfaatkan hasil ciptaan Allah swt untuk kebajikan manusia.

Sektor pertanian pernah menjadi tunjang kekuatan ekonomi negara pada suatu ketika dahulu. Pada tahun 1967, sektor pertanian menyumbang kepada KDNK negara

sebanyak 46%. Pada tahun 1966, bilangan sumber tenaga di bidang pertanian menjangkau 80.3% (Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Faktor utama yang menentukan kejayaan dalam usaha memodenkan bidang pertanian sebagai satu perniagaan ialah produktiviti, keberkesanan kos dan keupayaan mendapatkan pasaran (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006).

Kerajaan sedar pembangunan dan usaha memperkasakan sektor pertanian dalam menjana ekonomi negara dan melahirkan golongan usahawan tani harus melibatkan golongan belia terutamanya yang berpendidikan bagi mengubah persepsi dan mentaliti belia terhadap bidang pertanian. Sektor pertanian perlu diletakkan pada kedudukan yang setaraf dengan sektor lain yang memerlukan tenaga mahir, berkepakaran dan berpendidikan. Sehubungan dengan itu, usaha memodenkan sektor pertanian memerlukan penglibatan aktif golongan belia yang berkemahiran dan berilmu pengetahuan. Suatu transformasi perlu dilakukan untuk memupuk minat dan mengubah persepsi belia terhadap bidang pertanian (Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Transformasi sektor pertanian ke arah yang lebih dinamik dan berdaya saing dalam RMK-9 dan Belanjawan 2006, bertujuan untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi para petani dan negara selain bertujuan untuk mengurangkan pergantungan terhadap barangan import bahan makanan dalam jangka masa panjang yang mana pada masa ini imbalan import bahan makanan masih lagi melebihi kemampuan mengeksport.

## **1.2 Latarbelakang Masalah**

Hasrat kerajaan pada masa kini ialah melahirkan ramai golongan belia yang menceburi sektor pertanian sepenuh masa dan menjadi usahawan tani yang berjaya. Pada masa kini telah ada golongan belia yang berjaya dalam industri pertanian dan membuktikan bahawa pertanian itu merupakan satu perniagaan yang menguntungkan

tetapi angka atau peratus yang terlibat dalam bidang ini adalah terlalu kecil. Kebanyakan golongan belia lepasan pengajian tinggi yang memiliki ijazah masih rela menunggu kerja atau mencari kerja dalam sektor awam dan swasta daripada menceburi sektor pertanian. Kebanyakan belia terutama graduan universiti tidak berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian (Abdul Malik & Mohaini 1992; Aliasak et. al 1993; Ahmad 1993; Nurulhuda 2006). Sejak dua dekad yang lalu, agenda ekonomi negara tertumpu kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan hingga pertanian tidak lagi menjadi penjana pertumbuhan ekonomi yang penting bagi negara (Johan, 2004).

**Rajah 1. Bilangan Usahawan Siswazah 2000 – 2008**

*(Jabatan Perangkaan Malaysia)*

*Siri 4. Bil.1/2009 (November 2009)*

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN</b>
1	2000	80,400
2	2001	82,200
3	2002	83,600
4	2003	114,500
5	2004	120,200
6	2005	136,400
7	2006	160,400
8	2007	138,000
9	2008	158,500

**Rajah 1** menunjukkan data bilangan usahawan siswazah tahun 2000 – 2008 terlibat dalam bidang keusahawanan. Maklumat yang didapati daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bagi laporan pada November 2009 menunjukkan terdapat seramai 160,400 pada tahun 2006 usahawan tetapi menurun pada tahun 2007 kepada 138,000 usahawan dan meningkat semula pada tahun 2008 kepada 158,500 usahawan. Mengapakah terdapat pengurangan ini dan lihat sahaja berapa ramai siswazah tamat

pelajaran di Universiti. Atas masalah inilah pengkaji mahu menyelidik bagaimana ianya boleh terjadi.

**Rajah 2. Statistik Kadar Pengangguran Di Malaysia Daripada Januari 2009 – Ogos 2010**

BULAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS
PERATUS %	3.5 %	3.5 %	3.6 %	3.2 %	3.3 %	3.4 %	3.6 %	2.9 %

**Rajah 2** menunjukkan statistik kadar pengangguran Malaysia sehingga bulan Ogos 2010 telah menurun kepada 3.1 peratus berbanding 3.3 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disebabkan oleh penurunan signifikan bilangan penganggur dan penduduk bekerja masing-masing seramai 31,800 dan 108,800 orang. Mungkin disebabkan terdapat peluang kerja makan gaji di samping pembaharuan ekonomi yang memberangsangkan di sektor pembuatan dan perkilangan dan peluang pekerjaan di sektor awam menjadikan penyertaan golongan siswazah menyertai aktiviti pertanian menurun.

Dalam konteks dunia moden hari ini, sumbangan masyarakat tani perlu diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Mahu atau tidak mahu, golongan belia berpendidikan terutamanya lepasan ijazah harus menceburkan diri dalam bidang ini bagi merencanakan pembangunan dan rancangan pemodenannya dan merebut peluang yang kini tersedia di depan mata dengan membuang jauh segala tanggapan negatif dan pandangan pesimis berkaitan aktiviti pertanian. Bidang pertanian akan memberi lebih peluang kepada semua lapisan rakyat, terutama rakyat di kawasan luar bandar yang kebanyakannya masih miskin dan belum mengecapi kemajuan sebagaimana masyarakat bandar dan kota.

**Rajah 3. Statistik Siswazah Peringkat Sarjana Muda IPTA Mengikut Bidang Tahun 2008 – 2009 (Sumber Perangkaan Kementerian Pengajian Tinggi 2009)**

<b>BIDANG</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
<b>SAINS</b>		
Perubatan	888	851
Pergigian	147	183
Farmasi	375	447
Sains Kesihatan	930	1,201
Sains Tulen	2,930	2,735
Sains Gunaan/Teknologi	4,533	4,858
Pertanian	685	835
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	3,314	3,525
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>13,802</b>	<b>14,635</b>
<b>SASTERA DAN SAINS SOSIAL</b>		
Perakaunan	2,978	2,796
Undang-Undang	1,255	1,070
Pengurusan dan Perniagaan	8,363	10,637
Ekonomi	2,227	2,230
Pendidikan	8,298	9,697
Perkhidmatan	553	910
Bahasa dan Linguistik	464	346
Pengajian Islam	175	626
Seni, Rekabentuk dan Muzik	921	1,010
<b>BIDANG</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
Lain-Lain Sastera dan Sains Sosial	7,907	8963
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>33,141</b>	<b>38,285</b>
<b>TEKNIKAL</b>		
Kejuruteraan	10,052	10,390
Senibina/Ukur/Penilaian	2,849	2,446
Lain-Lain Teknikal	-	-
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>12,901</b>	<b>12,836</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>59,844</b>	<b>65,756</b>

Statistik siswazah dalam berbagai bidang yang telah menamatkan pengajian di peringkat ijazah dapat dilihat merujuk **Rajah 3**, di mana pada tahun 2008 seramai 59,844 menamatkan pengajian dan pada tahun 2009 meningkat kepada 65,756 dan di bidang Ijazah Pertanian sahaja, sebanyak 685 siswazah menamatkan pelajaran pada tahun 2008 dan meningkat kepada 835 siswazah pada tahun 2009. Ini tidak termasuk lepasan siswazah luar negara dan pelajar di peringkat Sarjana dan Diploma. Sumber tenaga profesional ini perlu digilap dalam merangka strategi jangka panjang bagi melahirkan usahawan dalam pelbagai bidang khususnya bidang pertanian.

Golongan belia yang mengambil keputusan menceburi bidang pertanian komersial bolehlah dianggap istimewa dan patut diberikan pujian kerana mengambil satu keputusan yang berani. Mereka mempunyai sebab-sebab tersendiri sehingga sanggup meninggalkan jawatan lain yang menanti tambahan pula diploma, ijazah dan sijil yang dimiliki adalah tiket untuk kerjaya profesional yang dianggap popular dan pilihan arus perdana dalam pemilihan kerjaya. Inilah kelebihan mereka, menuai hasil dengan berbakti kepada tanah tetapi dengan teknik-teknik yang moden menggunakan ilmu, kemahiran dan kepakaran yang telah dianugerahkan oleh Ilahi sebagai belia berpendidikan, berpandangan jauh dan berwawasan. Bersedia menghadapi persepsi masyarakat terhadap bidang pertanian dan dalam masa yang sama membuktikan mereka boleh berjaya dengan menceburi bidang pertanian.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai wawasan untuk menjadi negara maju, sektor pertanian yang melibatkan pengeluaran makanan bukan lagi merupakan aktiviti untuk menyara diri dan keluarga atau aktiviti sampingan, ianya mesti di lakukan sebagai satu entiti perniagaan, berteknologi tinggi dan di uruskan secara profesional. Kementerian Belia dan Sukan telah mensasarkan untuk melahirkan seramai 1,000 usahawan tani (Fikri, 2006).

Sebagaimana negara maju yang lain seperti di Amerika Syarikat, Kanada dan Jepun, guna tenaga kerja bagi sektor pertanian adalah dalam lingkungan 5 peratus sahaja dan mengeluarkan makanan untuk negara dan juga di eksport. Denmark sebagai contoh

adalah sebuah negara bersaiz kecil di Eropah dengan keluasan tidak sampai 15 peratus keluasan Malaysia. Denmark adalah antara pengeluar utama hasil perikanan dan tenusu di Eropah. Lebih 60 peratus keluasan tanahnya digunakan untuk pertanian yang menghasilkan produk tiga kali lebih besar daripada keperluan tempatan. Dua pertiga produk pertaniannya di eksport ke lebih 100 buah negara. Malaysia mempunyai tanah-tanah yang subur, bebas daripada bencana alam atau keadaan huru-hara yang boleh memusnahkan sebarang kegiatan ekonomi. Jika kelebihan ini tidak dimanfaatkan, bermakna kita telah mensia-siakan anugerah Allah ke atas bumi kita.

Nilai produk pertanian yang tinggi terhasil daripada gabungan intensifikasi pelaburan, guna tenaga mahir, teknologi dan pemasaran. Ini menunjukkan produk pertanian tidak banyak bergantung kepada keluasan tanah dan jumlah pekerja yang ramai. Dengan dasar yang jelas, kemahiran petani dan komitmen sektor swasta membolehkan sektor pertanian menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dengan ketara. Selain dapat mengukuhkan imbalan perdagangan negara, penumpuan terhadap sektor pertanian berupaya mengelakkan pergantungan negara pada bekalan bahan makanan dari luar negara.

Mengikuti ucapan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia keempat semasa Majlis Makan Malam Pertanian Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur pada 2 Disember 1987 mengatakan bahawa *“Salah satu sebab mengapa kita tidak begitu berjaya dalam bidang pertanian dan perikanan, selain daripada getah dan kelapa sawit, ialah kerana kita menganggap pertanian bukan sebagai satu kegiatan komersial tetapi hanya sebagai satu usaha untuk keperluan makanan diri kita sahaja. Kita tidak memikirkan akan keperluan negara lain terhadap hasil pertanian kita. Dengan perkataan lain, kita tidak memikirkan tentang pasaran dunia dan eksport. Oleh itu kebanyakan daripada usaha pertanian kita ialah secara kecil-kecilan dan tidak bercorak estet seperti ladang getah, kelapa sawit dan koko yang jelas mendapat manfaat daripada ‘economies of scale’. Selagi kita mengamalkan pertanian sebagai kegiatan kecil-kecilan yang melibatkan hanya petani tradisional, selama itulah perusahaan pertanian kita tidak akan berkembang”*.

Sektor pertanian adalah merupakan kegiatan utama ekonomi masyarakat luar bandar. Kaum bumiputera merupakan golongan tertinggi yang terlibat dalam bidang ini dan sebahagian besarnya terdiri daripada masyarakat Melayu. Namun daripada apa yang dapat dilihat, didapati kebanyakan daripada masyarakat petani Melayu masih berada ditahap berpendapatan rendah. Walaupun kita mendapati mereka bekerja sepenuh masa dengan memberi tumpuan terhadap sektor pertanian ini tetapi purata pendapatan mereka dengan menceburi bidang ini agak kurang memuaskan. Pihak kerajaan telah berusaha agar pembangunan sektor pertanian bukan setakat menjana sumber tumbuhan baru ekonomi Negara tetapi sekurang-kurangnya bersaing dengan sektor lain seperti bidang perkilangan dan perindustrian, agar dapat membantu usaha merapatkan jurang sosio ekonomi di dalam negara. Kadar pertumbuhan pesat penduduk di negara ini yang sudah pasti akan memerlukan jumlah makanan yang lebih besar.

Penduduk dunia pada masa ini berjumlah 6.6 bilion orang. Di negara kita sahaja dianggarkan mempunyai seramai 26 juta penduduk. Bidang pertanian di negara kita berhadapan dengan masalah ketiadaan peserta. Ini bermaksud, tidak ramai orang yang berminat untuk menceburi bidang pertanian. Bidang ini tidak menjadi pilihan kerana pengeluaran makanan dari amalan pertanian seringkali dikaitkan dengan penduduk luar bandar dan kemiskinan. Pandangan seperti ini timbul kerana kita tidak dapat melihat faedah bidang pertanian yang sebenarnya begitu besar. Dengan itu, masyarakat perlu disedarkan bahawa bidang pertanian mempunyai faedah yang sangat tinggi. Sektor pertanian dan industri asas tani perlu mengalami transformasi untuk menjadikan sektor ini lebih moden, dinamik dan berdaya saing dan peluang ini seharusnya direbut oleh generasi muda kini. Negara perlu meningkatkan tahap dan proses pengeluaran daripada yang bergantung berat kepada tenaga buruh kepada berintensifkan modal, teknologi dan berasaskan ilmu pengetahuan. Program pemindahan teknologi dan cara tanaman yang baru bagi meningkat produktiviti. Transformasi dibidang pertanian memerlukan pembudayaan keusahawanan supaya dapat melahirkan satu generasi usahawan bagi menerajui usaha merevolusikan bidang pengeluaran makanan dalam sektor pertanian.

Keseimbangan dan pertambahan bilangan penduduk di Malaysia berbanding peluang pekerjaan yang ada di pasaran kini menjadi satu masalah dan ini boleh menyebabkan kadar pengangguran dikalangan belia dan lepasan IPT meningkat. Berbagai usaha telah dilakukan termasuklah meningkatkan kemahiran melalui latihan serta membuka peluang kerjaya baru di dalam sektor awam dan swasta. Rancangan guna tenaga negara telah mengambilkira semua sudut dalam pelaksanaan tetapi masalah pengangguran masih berlarutan. Semua perancangan bergantung kepada sejauh mana modal insan ini dapat membuka minda dan menerima sudut pandangan baru secara terbuka. Salah satu pendekatan yang menarik dibincangkan ialah bagaimana mengubah fahaman dan persepsi masyarakat supaya melihat bidang pertanian sebagai salah satu perniagaan atau mengubah pandangan bahawa pertanian juga merupakan satu bidang ekonomi kelas pertama serta berusaha melahirkan usahawan tani.

Bidang pertanian komersial sehingga ke hari ini masih ketandusan penglibatan golongan belia lepasan sekolah lebih-lebih lagi belia berpendidikan dan lepasan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Banyak pembaharuan dan perubahan yang akan berlaku dalam sektor pertanian melalui pendekatan sains dan teknologi moden. Khazanah biodiversiti di Malaysia perlu dimanfaatkan melalui aplikasi teknologi agar dapat diteroka secara meluas (FAMA, 2007).

Keperluan guna tenaga mereka di bidang pertanian komersial amat dan sangat diperlukan oleh kerajaan dalam usaha melonjakkan pembangunan sektor pertanian, memodenkan industri asas tani dan membangunkan guna tenaga mahir di bidang pertanian komersial. Kempen kesedaran untuk mengubah persepsi dan tanggapan awam tentang sektor pertanian dan industri hiliran berasaskannya perlu segera dibuat bagi menyedarkan masyarakat bahawa pertanian sebenarnya satu perniagaan, satu bidang komersial yang amat menguntungkan bukan lagi aktiviti tradisional bagi menampung keperluan makanan seisi rumah semata-mata yang menggunakan tulang empat kerat, sebaliknya satu industri yang dibangunkan dengan jentera dan peralatan moden dan bernilai untuk pasaran eksport (Fatimah, 2005).

Persepsi negatif terhadap bidang pertanian, mentaliti makan gaji dengan sektor awam dan swasta juga ketiadaan galakan serta sokongan daripada keluarga dan masyarakat serta ketiadaan maklumat lengkap tentang prosedur dan tatacara yang boleh diikuti untuk menceburi bidang ini membantutkan minat penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian tambah lagi kesukaran mendapatkan bantuan teknikal dan kemudahan pembiayaan daripada agensi yang berkaitan.

Maka, adalah wajar satu kajian dijalankan bagi mendekati secara lebih dekat apakah masalah dan mengkaji apakah kehendak dan cara bagi menarik para lepasan IPT menceburi bidang pertanian. Kajian ini dibuat untuk melihat apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi dan menyumbang ke arah sejauh mana untuk mempengaruhi para lepasan IPT menyertai dan menarik minat mereka menceburi bidang pertanian.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Hasrat kerajaan pada masa kini ialah melahirkan ramai golongan belia yang menceburi sektor pertanian sepenuh masa dan menjadi usahawan tani yang berjaya. Pada masa kini telah ada golongan belia yang berjaya dalam industri pertanian dan membuktikan bahawa pertanian itu merupakan satu perniagaan yang menguntungkan tetapi angka atau peratus yang terlibat dalam bidang ini adalah terlalu kecil. Kebanyakan golongan belia lepasan pengajian tinggi yang memiliki ijazah masih rela menunggu kerja atau mencari kerja dalam sektor awam dan swasta daripada menceburi sektor pertanian. Tanggapan bahawa pertanian adalah usaha tradisional, tidak menguntungkan, kerja kampung, kotor dan tidak berpotensi perlu dikikis selaras dengan tahap kematangan dan pendidikan yang dimiliki oleh golongan belia masa kini (Aidit & Husnizam, 2005).

Menjadi usahawan yang berjaya adalah menjadi impian setiap individu yang menceburi bidang ini. Walaupun fakta menunjukkan setiap hari bilangan usahawan semakin meningkat, namun tidak kurang yang mengalami kegagalan. Setiap individu

akan menghadapi cabaran yang berbeza. Namun begitu cabaran yang harus dialami oleh seseorang boleh dibahagikan kepada diri, keluarga dan alam sekitar (Yop Putih,1985).

Siswazah merupakan aset penting kepada negara dan harus diberi bimbingan, didikan dan kesedaran bagi membolehkan mereka menjadi modal insan yang produktif dan berjasa terhadap bangsa, agama dan negara. Mereka adalah agen transformasi dan merupakan individu yang gigih, kreatif, berinovasi dan boleh membawa perubahan positif dalam mengerjakan perusahaan pertanian seperti pengurangan kos pengeluaran melalui input atau kaedah kerja baru yang lebih menjimatkan, dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti hasil pengeluaran. Ianya juga dapat memartabatkan sumber ilmu, inovasi, teknologi, penyelidikan dan kepakaran dalam mencetus transformasi pertanian kepada sektor yang lebih dinamik dan kompetatif.

Kejayaan dan kegagalan merupakan lumrah kepada mereka yang bergelar usahawan dalam apa bentuk perniagaan yang diceburi. Menurut Osborn (1995), ramai usahawan gagal dan 90% perniagaan yang diceburinya yang dimulakan di USA telah ditutup dalam jangkamasa 10 tahun.

Kajian ini dijalankan untuk melihat ciri-ciri peribadi usahawan yang berjaya. Selain dari itu kajian ini akan melihat faktor-faktor penarik, penolak dan latihan kemahiran bagi penglibatan lepasan siswazah melibatkan diri dalam bidang keusahawanan pertanian.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan jawapan-jawapan terhadap beberapa persoalan kajian seperti berikut:

1.4.1 Apakah ciri-ciri peribadi usahawan tani yang berjaya.

1.4.2 Apakah faktor-faktor penarik penglibatan lepasan siswazah sebagai usahawan tani.

- 1.4.3 Apakah faktor-faktor penolak penglibatan lepasan siswazah sebagai usahawan tani.
- 1.4.4 Apakah latihan dan kemahiran yang diperlukan oleh lepasan siswazah sebagai usahawan tani

## **1.5 Tujuan dan Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang boleh menarik minat lepasan Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk menceburi bidang pertanian sebagai kerjaya yang menjamin masa depan ;

- 1.5.1 Menenalpasti ciri-ciri peribadi usahawan tani yang berjaya.
- 1.5.2 Menenalpasti faktor-faktor penarik penglibatan belia siswazah sebagai usahawan tani.
- 1.5.3 Menenalpasti faktor-faktor penolak penglibatan belia siswazah sebagai usahawan tani.
- 1.5.4 Menenalpasti latihan dan kemahiran yang diperlukan oleh belia siswazah sebagai usahawan tani.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini berkepentingan bagi membolehkan pihak kerajaan dan agensinya yang berkaitan, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) melaksanakan serta merangka program usahawan belia tani khususnya lepasan IPT dengan lebih berkesan dan efisien. Matlamatnya adalah bagi menarik minat dan memberi galakan kepada mereka untuk menceburi bidang pertanian secara komersial dan perdagangan serta menjadi usahawan tani yang disegani.

Oleh kerana itu, kajian ini diharapkan akan memberikan maklumat-maklumat yang berguna dan mendapat tips berguna dalam mencari masalah dan penyelesaiannya. Kajian ini difokuskan merujuk perkara-perkara seperti berikut:

1.6.1 Memberikan gambaran yang jelas dan lengkap kepada pihak-pihak yang berkaitan khususnya kerajaan melalui kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk merangka program dan skim belia tani atau usahawan tani khususnya di kalangan lepasan IPT secara lebih berkesan dan menyeluruh.

1.6.2 Memantapkan strategi dan dasar untuk meningkatkan penyertaan belia, khususnya lepasan IPT dalam bidang pertanian komersial.

1.6.3 Mengenalpasti bentuk latihan dan kemahiran tambahan serta bantuan sokongan yang diperlukan bagi tujuan penggalakan kepada golongan belia dan lepasan IPT menceburi bidang pertanian komersial.

1.6.4 Mengemukakan profil peribadi dan karakter seseorang belia dan lepasan IPT yang mahu terlibat dalam pertanian komersial.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada satu kumpulan sahaja. Kumpulan itu ialah kumpulan lepasan ijazah dari pelbagai jurusan. Secara amnya kajian ini merupakan kajian sumbangan ke arah penglibatan lepasan ijazah dalam bidang pertanian. Kajian ini hanya memberi fokus kepada ciri-ciri usahawan yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Di samping itu kajian ini mengkaji faktor-faktor penarik penglibatan lepasan ijazah menceburi bidang ini, faktor penolak lepasan ijazah menceburi bidang ini serta latihan kemahiran yang diperlukan oleh lepasan siswazah menceburi usahawan tani.

## **1.8 Definisi Terminologi**

Di dalam kajian ini terdapat pelbagai istilah yang digunakan. Bagi tujuan itu dijelaskan lagi pengertian beberapa definisi terminologi penting yang terdapat dalam kajian ini.


### **1.8.1 Usahawan**

Usahawan (bahasa Inggeris: *entrepreneur*) adalah sesiapa yang terlibat dalam perniagaan, baik membuat, menjual ataupun berdagang barang-barang, pemilik tunggal bagi syarikatnya serta telah bertapak dari segi keperluan harian tetapi masih bercita-cita mengembangkan pengaruhnya dan kekayaan. Kamus Dewan 1997, mendefinisikan usahawan sebagai orang yang mengusahakan perusahaan. Brochhaus dan Horwitz (1986) mentakrifkan usahawan sebagai individu yang berkecenderungan mengambil risiko, mempunyai daya inovasi, mempunyai keinginan mencapai kejayaan, mempunyai fokus kawalan dalaman dan mempunyai keupayaan menyelesaikan masalah. Usahawan yang dirujuk dalam kajian ini ialah pelajar lepasan ijazah. Menurut Richard Cantillion pada tahun 1730 (dalam Bygrave, 1997) telah mendefinisikan, orang yang bekerja sendiri dengan pulangan yang tidak menentu. Barjoi (1997) mengatakan beberapa kriteria yang boleh digunakan untuk menilai seseorang bakal usahawan yang cemerlang dengan ciri-ciri mempunyai minat dan keinginan yang sangat besar untuk menyumbang kepada pengguna di dalam apa jua bentuk pasaran.

### **1.8.2 Keusahawanan**

Perkataan keusahawanan muncul daripada perkataan usahawan yang bermaksud pengusaha. Ianya juga boleh didefinisikan sebagai mereka yang bekerja sendiri. Mereka mempunyai perniagaan sendiri samada secara kecil-kecilan atau sederhana atau perniagaan berskala besar. Keusahawanan ialah satu proses menjalankan perniagaan sendiri (Greene, 2000).

Menurut Ab Aziz (1998), setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Yang membezakan di antara usahawan dengan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja untuk membantu, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi.



**Rajah 4 : Model Pembangunan Usahawan Oleh Blake-Saleh**

Model Pembangunan Usahawan oleh Blake-Saleh di dalam **Rajah 4**, menerangkan bahawa usahawan memulakan penceburan dengan mengenal pasti tiga perubahan kritikal terhadap persekitaran iaitu :

- 1.8.2.1. Ketidakpastian tentang pengurusan.
- 1.8.2.2. Penapisan pengetahuan.
- 1.8.2.3. Eksploitasi terhadap perubahan persekitaran.

Selepas usahawan itu mendapat idea atau peluang, maka ciri-ciri personaliti usahawan seperti suka mengambil risiko dan mewujudkan rangkaian dan kerjasama akan memotivasikan dan memandu mekanisme-mekanisme seperti inovasi, tarikan pasaran dan daya yang menyebabkan sesuatu berlaku untuk mencapai kejayaan (Nor Aishah, 2006)

### **1.8.3 Lepas Ijazah**

Dalam kajian ini, lepasan ijazah adalah seseorang yang telah berjaya mendapat segulung ijazah dalam bidang yang diikuti di universiti. Mendapat kelulusan yang diiktiraf oleh sesebuah universiti yang mana ijazah yang diterima itu boleh digunapakai

untuk memohon jawatan di mana-mana sektor awam atau swasta. Lepas ijazah ini, mereka digolongkan dalam kategori profesional.

#### **1.8.4 Industri Pertanian**

Dalam kajian ini, industri pertanian merupakan syarikat perseorangan atau secara usahasama yang menjalankan operasi perindustrian dalam bidang pertanian yang bercorak komersial.

#### **1.8.5 Menceburi**

Menceburi dalam kajian ini bermaksud, mereka yang melibatkan diri secara langsung secara sepenuh masa dan sedia menghadapi apa jua cabaran dan rintangan yang akan dilaluinya. Pencapaian penceburan menurut Ab Aziz (1998) ialah setiap individu mempunyai peluang untuk menjadi usahawan. Yang membezakan di antara usahawan dengan bukan usahawan ialah kesediaan mereka untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, pengambilan risiko dengan kesungguhan bekerja untuk membantu, membangun dan memaksimumkan potensi diri dengan memanfaatkan peluang yang diperolehi.

Penyertaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Program Gerak Siswazah Tani akan melibatkan jabatan dan agensi di dalam dan luar MOA, anchor-anchor dalam sektor pertanian dan para usahawan siswazah tani yang telah berjaya dalam perniagaan masing-masing antaranya terdiri daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM), Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar dan lain-lain lagi, dilihat dapat membantu para graduan untuk mengetahui dengan lebih lanjut perkhidmatan serta bantuan yang dapat disalurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam membantu mengerakkan siswazah menceburi bidang pertanian dan selain itu juga, ia dilihat dapat memberikan maklumat yang betul dan tepat kepada graduan tentang keluaran, jenis-jenis produk yang telah terhasil sehingga kini dan

seterusnya membantu meningkatkan pendapatan negara kita pada masa-masa akan datang.

Jumlah tenaga kerja dalam sektor pertanian akan berkurangan sebanyak 2.8% setahun daripada 1,429,000 pekerja dalam tahun 1995 kepada 930,000 pekerja dalam tahun 2010. Ia akan dilaksanakan melalui usaha-usaha mempertingkatkan penggunaan sistem pengeluaran intensif berautomasi dan mekanisasi serta mengurangkan perusahaan-perusahaan pertanian yang berintensif buruh. Peningkatan kawasan penggunaan tanah pertanian dijangka akan menjadi terhad dalam tempoh ini disebabkan kekurangan tanah, tenaga buruh serta peningkatan kos pengeluaran. Oleh itu, pengeluaran dijangka bertambah melalui peningkatan produktiviti. Produktiviti pekerja dijangka meningkat daripada RM11,360 kepada RM24,730 setiap pekerja dalam tempoh yang sama. Ini mencerminkan penekanan yang diberi kepada teknologi jimat buruh, inovasi dan pengurusan ladang yang lebih cekap.

#### **1.8.6 Mata Pelajaran Pertanian**

Mata Pelajaran Pertanian merupakan bidang pelajaran yang dipelajari di sekolah menengah, di Institusi Latihan Vokasional di Malaysia. Kewujudan pendidikan pertanian di sekolah akan menjadi asas tapak penyediaan sumber tenaga manusia dalam sektor pertanian yang kemudiannya akan diteruskan oleh pusat pengajian tinggi dalam melahirkan golongan profesional dan teknokrat dalam bidang pertanian. Hal ini sejajar dengan dasar pertanian negara yang mahukan penggembelengan sumber-sumber negara secara cekap dan berkesan. Sekiranya terdapat kerelevanan kursus yang ditawarkan oleh sekolah-sekolah berkaitan dengan pendidikan pertanian dengan kerjaya, maka peluang untuk mendapat pekerjaan dan melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi dapat ditingkat di kalangan pelajar. Hal ini selanjutnya akan mengurangkan masalah pengangguran yang semakin tenat dalam negara kita (Jabatan Pendidikan Teknikal), (2006). Pembangunan sumber manusia merupakan elemen penting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan. Ia dapat dicapai melalui pendidikan berkualiti yang mampu

memastikan tenaga kerja kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa dan mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan yang kian meningkat.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menubuhkan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang dipertanggungjawabkan bagi merancang, menyelaraskan dan menilai program latihan kemahiran selaras dengan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bagi melahirkan pekerja dan usahawan tani yang berpengetahuan dan berkemahiran (*Skill-based*). Sehingga kini, sebanyak 63 buah NOSS telah dibangunkan meliputi bidang-bidang tanaman, ternakan, perikanan, pemerosesan makanan dan pengedaran hasil-hasil pertanian (Roslee Abd Wahab, 2009).

### **1.8.7 Profil**

Mengikut Kamus Dewan Edisi 4 (2007), profil bermaksud maklumat peribadi, taraf dan tabiat penggunaan. Ianya juga bermaksud bentuk atau gambaran sesuatu sebagaimana yang dilihat di sisinya atau gambaran yang menunjukkan (membayangkan) kedudukan (peranan dan sebagainya) pada sesuatu masa.

### **1.8.8 Pandangan**

Mengikut Kamus Dewan Edisi 4 (2007), pandangan bermaksud pendapat seseorang terhadap sesuatu isu melibatkan hidup, falsafah hidup atau falsafah politik. Mengikut Kamus Dewan Edisi Kedua, ianya ditakrifkan sebagai saling melihat antara satu sama lain, ingat akan sesuatu yang akan terjadi, konsep atau persepsi tentang sesuatu. Ianya juga dianggap sebagai buah fikiran dan hasil tinjauan.


## **1.9 Kerangka Teori Kajian**

Kerangka teori digunakan dalam kajian ini berdasarkan teori psikologi personaliti dengan berpandukan Model Personaliti Pengukuran Rotter. Model ini mengatakan bahawa tingkah laku seseorang manusia diperolehi setelah melalui sesuatu matlamat yang

terancang untuk menjadi usahawan berjaya. Beliau mengatakan bahawa perkembangan I – (Intelectuality – Emotionality) adalah dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Pengaruh dalaman diproses dengan menggunakan sistem kognitif yang lebih aktif dan fleksibel manakala pengaruh luaran pula adalah pengaruh yang lebih berkesan. Kerangka teori kajian dirujuk pada *Rajah 5*.

**Rajah 5**

**MODEL PERSONALITI PENGUKUHAN ROTTER**



**Model Kerangka Teori Kajian**

*(Diubahsuai dari Model Personaliti Pengukuhan Rotter)*

Di dalam kajian ini, pengkaji mengkategorikan bidang keusahawanan ini adalah mempunyai nilai keusahawanan yang tinggi. Nilai keusahawanan yang tinggi dapat dihasilkan dengan empat elemen yang dikaji.

Elemen pertama merujuk kepada inovasi. Inovasi di sini dimaksudkan dengan ciri-ciri usahawan yang berjaya dalam bidang pertanian. Dengan adanya inovasi ini,

dapat menarik seseorang itu melibatkan diri dalam bidang yang diminati. Elemen kedua pula ialah kawalan tingkahlaku yang merujuk kepada faktor penarik. Apakah faktor-faktor penarik penglibatan siswazah dalam bidang pertanian. Elemen ketiga pula keputusan sendiri merujuk kepada faktor penolak penglibatan siswazah dalam bidang pertanian dan akhirnya elemen keempat ialah keperluan kepada pencapaian iaitu merujuk kepada latihan dan kemahiran yang diperlukan oleh siswazah dalam menceburi bidang pertanian.

Empat elemen ini memerlukan pengetahuan iaitu kognitif dan efektif. Dengan adanya pengetahuan dalam menerajui apa-apa bidang maka akan menghasilkan satu kumpulan usahawan yang mempunyai nilai dan sikap yang tinggi.

## BIBLIOGRAFI

Ab Aziz Yusuf, (2003). "Prinsip Keusahawanan". Prentice Hall : Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Ab Aziz Yusuf, (2002). "Usahawan dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga". Sintok. Penerbit : Universiti Utara Malaysia.

Ahmad Mahzan Ayob. (1991). "Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi, Suatu Pengenalan". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizi Yahaya. (2007). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan". PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Jaafar Muhamad. (2003). "Asas Pengurusan Perniagaan 1993". Penerbit Fajar Bakti. Edisi ke 2. UKM Bangi.

Hasnizah Mohamed Khalily. (2006). "Konflik Remaja dan Bimbingan Kerjaya" Penerbit Femina, Petaling Jaya, Selangor Darul Ekhsan.

Saat Sulaiman, (2008). "Usahawan Cemerlang" Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Hamid Mar Iman, (1990). "Pemasaran Keluaran Pertanian", Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Ismail Abd. Karim, (1995). "Laluan Usahawan Cemerlang". Usahawan Press, Kota Baharu, Kelantan.

- Baharom Yaacob, (1994). "Orientasi Sikap Keusahawanan di Kalangan Pelajar Politeknik Malaysia". Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Afiq Nuradli, (1997). "IKS Terus Memberikan Sokongan Dalam Dewan Ekonomi" Jilid. 04, Bil. 9, Muka Surat 10 – 12.
- Barringer & Ireland, (2006). "Entrepreneurship Succesfully Launching". New Ventures, Prentice Hall, New Jersey. Page 18 -19.
- Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kasim, Abd Malik Ismail (1992). "Ekonomi Bumiputera Selepas 1990". Kuala Lumpur : Ampang Press Sdn. Bhd.
- Barjoyai Bardai dan Mohd Fairuz Md Salleh. (1994). "Peluang Perniagaan". Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Dr. Norhasni binti Zainal Abiddin. (2007). " Belia Usahawan Tani Siswazah : Isu dan Cabaran" Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Azran Jaffar (2008). "Era Baru Pertanian Negara" <http://www.i-usahawan.com>
- Dato' Hj. Mohd. Rosli Abdul Aziz, Pengurus Besar, Bank Pertanian Malaysia (2007). "Suasana Ekonomi Semasa: Hala Tuju Sektor Pertanian Negara"
- Nurulhuda Che Abdullah dan Ramlee Mustapha (2009). "Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu" Jurnal Pendidikan Malaysia 34(2)(2009) : 143 – 165
- Krejcie, R dan Morgan, D. (1970). "Determining Sample Size for Research Activities: Educational and and Physiological Measurement". New Jersey. Prentice Hall
- Yep Putih (1985). "Keusahawanan". Kuala Lumpur DBP

Pusat Teknousahawan UTHM (Majalah Sukses - 10 September 09). "Keusahawanan"

Prof. Madya Dr. Zainal Abidin bin Mohamed (2004), "Pertanian dan Islam : Sara Diri, Sampingan atau Kormesil". Universiti Putra Malaysia (UPM)

Rohami Shafie (2009). "Memodenkan Industri Pertanian" Utusan Malaysia  
6/11/2009